

# Pendedahan Liga Hoki Scotland mantapkan aksi Mohamad Ashran

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bh.com.my

## Serdang

**P**eluang beraksi dalam Liga Hoki Scotland mewakili Kelab Hoki Uddingston adalah pengalaman paling berharga bagi pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam, Mohamad Ashran Hamsani, sepanjang mencebur iktisadi sukan itu sejak persekolahan rendah.

Pelajar semester akhir Diploma Kejuruteraan Awam itu terpilih menyertai Kelab Hoki Uddingston pada Februari tahun lalu dan berkesempatan menimba pendedahan berharga selama tiga bulan bersama kelab berkenaan.

Walaupun terpaksa menangguhkan pengajian selama satu semester bagi memenuhi komitmen di Scotland, Mohamad Ashran menyifatkan pengorbanan itu amat berbaloi kerana bukan semua atlet dapat menjalani sesi latihan bersama kelab luar negara.

"Bakat saya dikesan jurulatih pasukan Uddingston, Ahmad Nizam Yusof (rakyat Malaysia menetap di Glasgow) yang tertarik dengan aksi dan komitmen dipamerkan sepanjang kejohanan Piala Remaja Asia di Kuantan pada November 2015.

## Cabarhan baharu

pan cabaran baharu apabila beraksi dalam acara hoki dewan sedangkan sebelum ini bermain hoki padang. Namun berkat kerjasama semua ahli pasukan, kami berjaya juga membantu Malaysia meraih pingat emas," katanya.

Mohamad Ashran mewakili Malaysia pada kejohanan Sukan SEA sejak 2015 yang menyaksikan beliau membantu pasukan negara membolot pingat emas dengan mengalahkan Singapura.

Meskipun sudah berjaya menempatkan diri dalam skuad hoki kebangsaan pada Sukan SEA 2015, beliau mengaku bahawa laluan untuk memasuki senarai barisan utama KL2017 bukan mudah.

## Ikut jejak abang

"Saya perlu kembali bersaing dengan pemain senior berikutnya pasukan kebangsaan yang disertai pada 2015 diburarkan selepas gagal melayakkan diri ke kejohanan Piala Asia.

"Sepanjang mengikuti sesi latihan untuk pemilihan ke KL2017, saya berulang-alik dari Shah Alam ke Bukit Jalil dan pada masa sama, menghadiri kuliah di PSA.

"Memang bukan mudah untuk bergelar atlet kebangsaan tetapi saya sanggup menyahut cabaran itu demi mencapai cita-cita sejak dari bangku sekolah lagi," kata-nya.

Tambahan pula, latar belakang keluarga yang

[FOTO SAIFULLIZAN TAMADI / BH]

